



## KENYATAAN MEDIA

### PUSAT GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH NASIONAL (GIACC) JABATAN PERDANA MENTERI

**Putrajaya, 25 Mei 2022** – Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuhah (JKKMAR) Siri 15 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Mei 2022 yang lalu, Kerajaan telah bersetuju untuk membangunkan satu pelan komprehensif dan holistik iaitu Pelan Tadbir Urus Baik Nasional (MyGovernance) yang akan menginstitusikan prinsip dan amalan tadbir urus yang terbaik di semua agensi Kerajaan termasuk Badan Berkanun Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi mempertingkat dan memperkuuh keupayaan penyampaian perkhidmatan awam ke arah mencapai visi nasional.

Pelan Antirasuhah Nasional (NACP) 2019-2023 yang diperkenalkan pada tahun 2019 telah menggariskan inisiatif governans, integriti dan anti-rasuhah secara komprehensif dan ianya akan terus dilaksanakan walaupun wujudnya MyGovernance kelak. Pembangunan MyGovernance ini akan menjadi pelengkap kepada NACP dan akan **memastikan kesinambungan komitmen Kerajaan** berhubung governans, integriti dan anti rasuhah melalui inisiatif-inisiatif baharu yang bakal disediakan.

MyGovernance akan dibangunkan dengan **memberi fokus kepada usaha mempertingkat tadbir urus baik merentasi seluruh aspek pentadbiran Kerajaan secara berterusan melalui suatu dasar dan panduan yang jelas kepada semua agensi Kerajaan**. Ia dibangunkan berteraskan 4 prinsip tadbir urus baik iaitu ketelusan, akauntabiliti, kecekapan, dan keberkesanan. **MyGovernance bakal menjadi sebuah pelan dasar dan tindakan bersepadu**

**di peringkat nasional** sejajar dengan salah satu strategi utama Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) ke arah memperkuuh penyampaian perkhidmatan sektor awam melalui peningkatan ekosistem tadbir urus baik.

Amalan tadbir urus terbaik melalui MyGovernance dapat membantu agensi Kerajaan dalam mengatasi isu-isu kelemahan tadbir urus, integriti, ketirisan, ketidakcekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam, isu ketelusan dan karenah birokrasi dalam pentadbiran Kerajaan dengan mengambil kira cabaran sedia ada dan masa hadapan. Antara inisiatif-inisiatif yang bakal diperkenalkan kelak adalah untuk memastikan penggunaan sumber secara cekap dan berkesan serta memantapkan integriti, nilai dan etika organisasi untuk menghasilkan budaya kerja yang cemerlang.

Komitmen Kerajaan dalam membangunkan MyGovernance dan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah NACP ini dijangka berupaya mengembalikan keyakinan orang awam serta masyarakat antarabangsa terhadap institusi Kerajaan sekaligus meletakkan Malaysia kekal berdaya saing di persada antarabangsa.

Sekian.

**PUSAT GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH NASIONAL (GIACC)**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**25 MEI 2022**